



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**29 OKTOBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 589 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 216,852 kes. Sebanyak 13 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Kota Kinabalu, Kinabatangan dan Tawau manakala masing-masing satu (1) kes di Beluran, Kota Marudu, Nabawan, Kudat, Papar, Ranau dan Tenom. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 558 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 206,160 orang. Manakala 1,854 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 719 orang di hospital, 1,114 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 20 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 77 orang merangkumi 73 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 90 (41.28%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning (satu) 1 daerah
- Zon Merah 26 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes positif bagi Sabah hari ini tidak banyak berubah, sekadar penyusutan marginal (-10) kes, menjadikan jumlah kes baharu (589) kes.
- b. Jumlah daerah yang menunjukkan peningkatan yang agak tinggi adalah lebih banyak iaitu Kota Kinabalu (+16) kes, Keningau (+15) kes, Kota Marudu (+12) kes, Kudat (+12) kes, Kota Belud (+11) kes dan Penampang (+11) kes. Hanya dua (2) daerah yang menunjukkan penurunan ketara iaitu Ranau (-51) kes dan Beaufort (-38) kes.
- c. Pada hari ini, tidak ada kes lewat daftar keputusan ujian saringan COVID-19 melebihi 5 hari direkodkan. Terdapat lima (5) kes lewat daftar antara 4 hingga 5 hari. Sebanyak (224) kes merupakan kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari selepas keputusan saringan diketahui. Antaranya Kota Kinabalu dengan (56) kes lewat daftar, Kota Belud (33) kes, Tenom (24) kes, Penampang dan Lahad Datu masing-masing (22) kes. Sejumlah (360) kes lagi atau 61% merupakan kes yang berlaku dan didaftar dalam tempoh 24 jam yang lalu.
- d. Jumlah kes yang berpunca daripada Saringan Bergejala terus meninggi dan hari ini, mencatatkan 41.4% daripada keseluruhan jumlah bagi negeri Sabah. Malah ada daerah-daerah di Sabah di mana ke-kes positif yang diperolehi melalui Saringan Bergejala melebihi 50% daripada jumlah kes di daerah-daerah tersebut. Antaranya, Kota Marudu, (31) kes daripada (45) kes, dan Kudat (18) kes daripada (31) kes. Beberapa daerah lain seperti Ranau (25/53) kes , Pitas (11/23) kes , Penampang (15/30) kes dan Tuaran (10/19) kes juga mencatatkan kes jangkitan secara sporadik yang agak tinggi.
- e. Kes-kes sporadik lazim dikaitkan dengan kegagalan mematuhi SOP atau tahap pematuhan SOP yang rendah. Secara kebetulan hampir semua daerah yang terlibat sering mengalami perubahan turun-naik kes harian pada skala yang agak besar.

- f. Sabah mengekalkan peratusan tinggi pesakit-pesakit COVID-19 dalam kategori yang dianggap tidak serius. Lebih 97% daripada keseluruhan kes hari ini hanya dalam Kategori 1 dan Kategori 2, dua (2) kes dalam Kategori 3, dua (2) kes dalam Kategori 4 dan satu (1) kes dalam Kategori 5. Sejumlah (12) kes lagi masih dalam penilaian JKNS.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (311) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	1	0.17%
2	Bergejala	244	41.43%
3	Kontak	311	52.80%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	33	5.60%
<b>JUMLAH</b>		<b>589</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (28 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 28/10/2021</b>	<b>Catatan Kes 29/10/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Kota Kinabalu	50	66	+16
2	Keningau	11	26	+15
3	Kota Marudu	33	45	+12
4	Kudat	19	31	+12
5	Kota Belud	48	59	+11
6	Penampang	19	30	+11
7	Tenom	29	38	+9
8	Telupid	5	13	+8
9	Papar	27	33	+6
10	Lahad Datu	17	23	+6
11	Kuala Penyu	2	7	+5
12	Beluran	11	14	+3
13	Putatan	4	7	+3
14	Kunak	2	2	Mendatar
15	Ranau	104	53	-51
16	Beaufort	57	19	-38
17	Tawau	22	13	-9
18	Tongod	7	1	-6
19	Tuaran	23	19	-4
20	Kinabatangan	18	14	-4
21	Nabawan	6	3	-3
22	Semporna	4	1	-3
23	Pitas	25	23	-2
24	Tambunan	24	22	-2
25	Sandakan	14	12	-2
26	Kalabakan	2	0	-2
27	Sipitang	16	15	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>599</b>	<b>589</b>	<b>-10</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (15 Oktober – 28 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	29	27	0	10	66	762
Kota Belud	0	43	16	0	0	59	743
Ranau	0	27	25	0	1	53	612
Kota Marudu	0	12	31	0	2	45	473
Tenom	0	22	16	0	0	38	473
Papar	0	21	11	0	1	33	322
Kudat	0	12	18	0	1	31	372
Penampang	0	14	15	0	1	30	342
Keningau	0	16	9	0	1	26	440
Pitas	0	9	11	0	3	23	239
Lahad Datu	0	9	10	0	4	23	303
Tambunan	0	19	3	0	0	22	264
Beaufort	0	10	8	0	1	19	488
Tuaran	0	8	10	0	1	19	385
Sipitang	0	12	3	0	0	15	196
Kinabatangan	1	7	5	0	1	14	237
Beluran	0	9	5	0	0	14	193
Tawau	0	8	4	0	1	13	178
Telupid	0	8	5	0	0	13	93
Sandakan	0	4	7	0	1	12	165
Putatan	0	5	2	0	0	7	181
Kuala Penyu	0	5	1	0	1	7	67
Nabawan	0	2	1	0	0	3	76
Kunak	0	0	1	0	1	2	52
Tongod	0	0	0	0	1	1	54
Semporna	0	0	0	0	1	1	52
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	19
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>311</b>	<b>244</b>	<b>0</b>	<b>33</b>	<b>589</b>	<b>7,781</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kinabatangan	Kluster Blok 03	1
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,234 unit

- Hospital 1,885 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,879 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 29.74%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 29 OKTOBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	584
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
<b>Jumlah</b>	<b>589</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Pakistan	1
Singapura	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	574
Bukan Malaysia	15
<b>Jumlah</b>	<b>589</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	111
Belum Menerima Vaksin	107
Menerima 1 Dos	7
Lengkap 2 Dos	364
<b>Jumlah</b>	<b>589</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	6
1 to 5	50
6 to 11	55
12 to 17	23
18 to 25	84
26 to 59	307
>60	64
<b>Jumlah</b>	<b>589</b>



## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 28 Oktober 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 11,654 orang. Daripada jumlah ini, seramai 8,894 orang adalah penduduk dewasa dan 2,760 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 28 Oktober 2021 adalah seramai 2,422,177 orang. Ini meliputi 2,94,693 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 75.94% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,315,800 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,046,104 orang atau 74.18% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 327,484 orang atau 75.46% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 269,696 atau 62.14% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **659,330** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 12 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,973 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 53 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak sembilan (9) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Sembilan (9) Orang : Pemilik Premis Gagal Sediakan QR Kod Dan Buku Pendaftaran

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 195 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 28 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,013 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak enam (6) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 366 premis perniagaan dan 511 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Pasar Besar KK. Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 322 Premis Perniagaan melibatkan 185 anggota APM. Sebanyak satu (1) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 167 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 13 premis, melibatkan sembilan (9) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 43 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 125 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **97.6%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kunak	98%
2	Penampang	98%
3	Kota Marudu	98%
4	Sipitang	98%
5	Keningau	98%
6	Sandakan	98%
7	Tawau	98%
8	Kota Kinabalu	98%
9	Lahad Datu	97.5%
10	Beluran	97.5%
11	Tenom	97.5%
12	Tuaran	97.5%
13	Kota Belud	97.5%
14	Ranau	97.5%
15	Kudat	97.5%
16	Kinabatangan	97%
17	Semporna	97%
18	Beaufort	97%
19	Papar	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**